

**TERMA DAN SYARAT**  
**PR1MA OWN A HOME – RESIDENSI SEREMBAN SENTRAL**  
**(15 Nov 2023 – 30 Jun 2024)**

**Syarat Kelayakan**

1. Promosi Pakej Jualan “**PR1MA OWN A HOME – Residensi Seremban Sentral**” (“Promosi”) akan dilanjutkan daripada **15 Nov 2023** sehingga **30 Jun 2024** (“Tempoh Promosi”). Promosi ini hanya sah untuk Pembeli-Pembeli projek pembangunan PR1MA Seremban Sentral Sdn Bhd (“PSSSB”) iaitu sebuah syarikat milik penuh Perbadanan PR1MA Malaysia (“PR1MA”) di bawah projek **Residensi Seremban Sentral, Negeri Sembilan sahaja** dan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini
2. Promosi ini terbuka untuk Pembeli - Pembeli yang membuat Tempahan Baru ataupun telah membuat Tempahan Lama tetapi belum menandatangani Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan), iaitu:-
  - **Tempahan Lama** iaitu tempahan dibuat sebelum tarikh Tempoh Promosi dan perlu ditandatangani dalam tempoh yang telah ditetapkan (**45 hari/ 75 hari kalendar seperti dinyatakan dalam jadual di bawah**).
  - **Tempahan Baru** iaitu tempahan dibuat sepanjang tarikh Tempoh Promosi dilancarkan dan perlu ditandatangani dalam tempoh yang telah ditetapkan (**60 hari / 90 hari kalendar seperti dinyatakan dalam jadual di bawah**).
3. Pembayaran kepada pihak PSSSB/PR1MA hendaklah dijelaskan dalam **tempoh 90 hari kalendar daripada tarikh Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani** bagi:-
  - a) Pembelian yang mendapat pinjaman pembiayaan perumahan penuh, iaitu kadar pembiayaan pinjaman seratus peratus (100%), bayaran penuh Harga Beli; **ATAU**
  - b) Pembelian tunai dan yang mendapat pinjaman pembiayaan perumahan kurang daripada seratus peratus (<100%). bayaran penuh Harga Beli.
4. Bagi tujuan Terma & Syarat ini:-
  - i. **PR1MA** merujuk secara kolektif pada Perbadanan PR1MA Malaysia atau Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia sebuah pertubuhan yang diperbadankan di bawah Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia, 2012 [Akta 739] (“Akta PR1MA 2012”) serta termasuk anak-anak syarikatnya, pengganti dan penerima yang dibenarkan;
  - ii. **PSSSB** iaitu sebuah syarikat milik penuh PR1MA yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016.

**Hadiah**

1. Hadiah yang ditawarkan adalah berdasarkan kategori unit yang dibeli dan adalah berbentuk;
  - i. Kabinet Dapur dan dua (2) unit Penyaman Udara bernilai sehingga RM 10,000 (“Hadiah”); **atau**
  - ii. Dua (2) unit Penyaman Udara dalam bentuk **Baucar/ e-Baucar/ Kad Hadiah** bernilai sehingga RM 2,500 (“Hadiah”),

untuk pembelian yang memenuhi kesemua Terma dan Syarat Promosi dan menandatangani Surat Aduan untuk Promosi PR1MA Own A Home – Residensi Seremban Sentral.

2. Huraian dan kategori Hadiah bagi setiap unit yang dijual, tidak mengira bilangan Pembeli-Pembeli bersama dan adalah seperti berikut:

Kategori	Perjanjian Jual-Beli	Perjanjian Pinjaman Perumahan	Hadiah yang Layak
<b>Kategori 1</b> Blok 4 & 5	<p><b><u>Tempahan Baru:-</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>SPA perlu ditandatangani dalam tempoh <b>60 hari kalendar</b> daripada tarikh Surat Tawaran (OTP) bagi pembelian tunai dan pembiayaan pembelian melalui bank</li> <li>SPA ditandatangani dalam tempoh <b>90 hari kalendar</b> daripada tarikh Surat Tawaran (OTP) bagi pembiayaan pembelian melalui LPPSA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Penyelesaian penuh Harga Beli</b> sama ada melalui kemudahan pinjaman dan/atau pembayaran tunai serta semua jumlah yang terhutang di bawah Perjanjian Jual Beli.</li> </ul>	Kabinet Dapur dan dua (2) unit Penyaman Udara
<b>Kategori 2</b> Blok 1,2,3,6,7,8	<p><b><u>Tempahan Lama:-</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>SPA ditandatangani dalam tempoh <b>45 hari kalendar</b> daripada tarikh Surat Tawaran (OTP) bagi pembelian tunai dan pembiayaan pembelian melalui bank</li> <li>SPA ditandatangani dalam tempoh <b>75 hari kalendar</b> daripada tarikh Surat Tawaran (OTP) bagi pembiayaan pembelian melalui LPPSA</li> </ul>		Dua (2) unit Penyaman Udara

**Terma-Terma Khas**

1. Penebusan Hadiah hanya akan diproses oleh syarikat pembekal pihak ketiga setelah penerimaan **surat tebusan** dan **penyelesaian penuh Harga Beli sama ada melalui kemudahan pinjaman atau pembayaran tunai serta semua jumlah yang terhutang di bawah Perjanjian Jual Beli tersebut, tertakluk kepada pengesahan pihak PSSSB/PR1MA** dan seperti dinyatakan dalam syarat kelayakan (no.3) di bawah.
2. Segala jenama, reka bentuk, warna, dan dimensi/saiz Hadiah akan ditentukan oleh PSSSB/PR1MA atas budi bicara mutlak PSSSB/PR1MA tanpa sebarang notis kepada semua Pembeli-Pembeli terlebih dahulu.
3. Sekiranya Hadiah tidak tersedia pada masa berikut, PSSSB/PR1MA berhak menggantikan Hadiah tersebut dengan pakej Hadiah lain yang memiliki nilai yang sama menurut budi bicara mutlak pihak PSSSB/PR1MA.
4. Pengubahsuaian Hadiah (jika ada) akan dikenakan kos tambahan yang ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli – Pembeli dan semua urusan pengubahsuaian akan dilakukan antara Pembeli – Pembeli dan syarikat pembekal yang berkaitan. Segala risiko yang berkaitan dengan kerja-kerja pengubahsuaian juga adalah atas risiko dan tanggungjawab Pembeli – Pembeli sendiri.
5. Pihak PSSSB/PR1MA tidak memberikan jaminan terhadap kualiti, kesesuaian tujuan, atau kesesuaian penggunaan, dan tidak menerima sebarang liabiliti dan/atau tanggungjawab terhadap Hadiah tersebut.
6. Penghantaran dan pemasangan Hadiah adalah tanggungjawab syarikat pembekal pihak ketiga dan oleh itu, Pembeli – Pembeli perlu berhubung terus dengan syarikat pembekal pihak ketiga tersebut.
7. Semua perkhidmatan selepas jualan yang berkaitan dengan Hadiah perlu dirujuk kepada syarikat pembekal pihak ketiga dan sebarang kos tambahan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli –

Pembeli.

8. Segala jaminan waranti yang berkenaan (jika ada) yang diberikan oleh syarikat pembekal masing-masing kepada Pembeli – Pembeli perlu berhubung terus dengan mereka berkenaan sebarang aduan, kecacatan, dan/atau tuntutan berkaitan dengan (“Hadiah”) tersebut. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembetulan kecacatan semasa Tempoh Liabiliti Kecacatan yang diberikan di bawah Perjanjian Jual Beli tidak meliputi (“Hadiah”).
9. Pihak PSSSB/PR1MA dengan ini berhak untuk mengubah atau meminda mana-mana terma yang dinyatakan di sini dari semasa ke semasa dengan atau tanpa notis kepada Pembeli – Pembeli.
10. Hadiah tidak boleh dalam apa-apa keadaan dan kaedah dipindah milik, diserahkan hak kepada mana-mana pihak ketiga dan secara tunggal dan mutlak diberikan kepada Pembeli-Pembeli yang layak. Hadiah tidak boleh dalam apa-apa keadaan atau kaedah ditukar atau ditebus oleh Pembeli-Pembeli yang layak dalam apa-apa bentuk nilai, perdagangan atau pertukaran atau cara lain selain daripada yang ditetapkan oleh PSSSB/PR1MA. Hadiah tidak boleh dalam apa jua keadaan ditukarkan sebagai nilai gantian kepada Harga Beli yang ditetapkan di dalam Perjanjian Jual Beli.
11. Terma dan Syarat penebusan dan penggunaan Hadiah dalam bentuk Baucar/ e-Baucar/ Kad Hadiah adalah tertakluk pada terma yang ditetapkan oleh pihak syarikat pembekal yang membekalkan Hadiah tersebut. Pembeli-Pembeli yang layak menerima Hadiah hendaklah berurus terus dengan pihak syarikat pembekal untuk sebarang pertanyaan dan segala penebusan dan/ atau penggunaan baucar tersebut; Pihak PSSSB/PR1MA adalah tidak terlibat dan tidak boleh dipertanggungjawabkan dalam segala urusan berkenaan.

### **Pembatalan Kelayakan**

1. Pembeli-Pembeli yang melanggar sebarang Terma dan Syarat Promosi **“PR1MA OWN A HOME – Residensi Seremban Sentral”**, sebarang terma-terma di bawah Perjanjian Jual Beli bagi pembelian kediaman PSSSB/PR1MA, mana-mana undang-undang dan/ atau peraturan yang berkuatkuasa akan dibatalkan kelayakan secara automatik tanpa sebarang notis pampasan, dan segala kos pembatalan hendaklah ditanggung secara sepenuhnya oleh Pembeli-Pembeli.
2. Sekiranya Pembeli-Pembeli membatalkan pembelian kediaman PSSSB/PR1MA atau membuat apa-apa perkara yang membatalkan Perjanjian Jual Beli setelah proses Jual Beli disempurnakan, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah pembayaran 10% daripada Harga Beli kediaman PSSSB/PR1MA yang telah dijelaskan.

### **Terma dan Syarat Am**

1. Dengan mengambil bahagian di dalam Promosi ini, Pembeli-Pembeli dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini sepenuhnya.
2. Pihak PSSSB/PR1MA tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai apa-apa tanggungan rugi bagi apa-apa kos tambahan yang akan ditanggung oleh Pembeli-Pembeli akibat daripada penebusan Hadiah dan susun atur yang dibuat oleh Pembeli-Pembeli bersama syarikat pihak pembekal yang berkenaan. Pihak PSSSB/PR1MA juga tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah memberikan sebarang waranti dan jaminan sama ada secara tersurat atau tersirat berkaitan ketersediaan dan penggunaan apa-apa Hadiah yang ditebus dan susun atur yang dibuat dengan syarikat pembekal berkenaan.
3. Penyertaan Pembeli-Pembeli untuk Promosi ini adalah di atas risiko sendiri. PR1MA, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, rakan jualan, penaja dan/ atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan dan kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri sendiri atau mana-mana pihak ketiga dalam apa jua keadaan dan cara berhubung dengan penebusan dan/ atau penggunaan Hadiah. Pembeli-Pembeli menanggung rugi PSSSB/PR1MA terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, kerugian atau ganti rugi yang dibuat oleh mereka sendiri atau oleh mana-mana pihak ketiga yang

lain dalam apa jua keadaan atau cara berhubung dengan Promosi ini, penebusan dan/ atau penggunaan Hadiah.

4. Sebarang perubahan pada sebarang klausa dan/ atau klausa – klausa Terma dan Syarat Promosi ini termasuk untuk menukar Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan, atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian adalah tertakluk di bawah bidang kuasa PSSSB/PR1MA sepenuhnya dan tanpa sebarang liabiliti kepada pihak PSSSB/PR1MA. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Pembeli/ Pembeli-Pembeli bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Promosi ini akan membentuk penerimaan terma dan syarat (seperti yang diubah). Tiada sebarang notis akan diberikan terlebih dahulu atas sebarang perubahan Promosi ini.
5. Segala keputusan yang dibuat oleh PSSSB/PR1MA berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat, dan sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
6. Promosi ini tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah menjadi sebarang penambahan, variasi atau pindaan kepada Perjanjian Jual Beli di antara PSSSB/PR1MA dan Pembeli-Pembeli yang membeli kediaman PSSSB/PR1MA.
7. Kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/ atau yang timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tanpa batasan, kos-kos berkenaan dengan penebusan dan penggunaan Hadiah, telekomunikasi, rangkaian, perkhidmatan pesanan ringkas, penghantaran dan semua caj lain dan perbelanjaan luar poket yang mungkin ditanggung oleh Pembeli-Pembeli semasa atau berkaitan dengan Promosi ini akan ditanggung oleh Pembeli-Pembeli sendiri.
8. Promosi ini adalah tertakluk pada kekosongan unit kediaman PSSSB/PR1MA Residensi Seremban Sentral yang masih ada.
9. Dengan menyertai Promosi ini, Pembeli-Pembeli bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi mereka oleh PSSSB/PR1MA selaras dengan Notis Privasi seperti di laman sesawang rasmi PR1MA <https://www.pr1ma.my/privacy-policy.php?page=privacy-policy&lang=bm&sts=&ID=>

***-Dokumen Tamat-***